



TARBIYAH PENGASAS SIRI 25
27 OKTOBER 2020

MENJADI LUAR BIASA

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia

CERITA

Dalam Surah Ali-Imran 3, ayat 52, Allah memperkenalkan istilah **Hawariyun**

"Maka tatkala Isa mengetahui keingkaran mereka (Bani Israel), berkatalah ia," Siapa yang akan menjadi penolong-penolongku untuk (menegakkan agama) Allah? "Para **Hawariyun** (sahabat-sahabat setia) menjawab," Kamilah penolong-penolong (agama) Allah, kami beriman kepada Allah dan bersaksilah bahawa kami adalah Muslim "(Al Quran, Surah Ali-Imran 3, ayat 52).

Hawariyyun = Sahabat setia, murid setia, dan pengikut setia (Nabi Isa) -> Penolong agama Allah.

Mengikut Imam Qurtubi, Hawariyyun Nabi Isa ada 12 orang (dinamakan oleh Kristian 12 disciples), tetapi tidak disebut nama-namanya kecuali ketuanya bernama **Sham'oon** (disebut Simon Peter atau Cephas oleh orang-orang Kristian).

Kami selalu doa Allah kirimkan **hawariyyun ISDEV** untuk tegak agama Allah. Anda semua adalah **hawariyyun ISDEV**, termasuk MISDEV20.1 yang baru join. **Hawariyyun adalah manusia luarbiasa.**

LUARBIAASA DI ISDEV

Sejak mula, ISDEV mahu lahirkan manusia luarbiasa dan melakukan perkara luarbiasa.

1. Perkenal **bidang baru** - Islamic Development Management (Islamic-based development, Islamic Assets Management, Management of Islamic Institutions, Islamic Political Economy, Islamic Service Management, Islamic Research Methodology);
2. Beramal dengan **fadhho-ilul 'amal** (Asma ul-Husna, doa membuka dan menutup majlis, solat berjemaah, puasa Isnin Khamis, solat hajat, sujud syukur, tutup kepala (lelaki), simpan janggut, salam dan berpelukan, etc);
3. Membina **akhlak** (adab guru-murid, berkasih sayang, tolong-menolong, berkhidmat, menghidup dan mengguna hati, non-konfrontasional, mengiktiraf kewujudan orang lain, etc);

NATIJAH

1. Mencapai **kecemerlangan**

- Mendapat Skala 1
- Memenangi Anugerah Tesis Sarjana dan PhD Terbaik Tan Sri Muhyiddin Yassin/Yayasan Nurul Yaqeen
- Memenangi Anugerah Kertaskerja Terbaik dipelbagai konferens
- Menganjur INGRAW/IDMAC/WAPI/KAPPI/Syarahan ISDEV/ Wacana Penyelidikan bersiri secara berterusan sehingga berbelas tahun);

2. Mencapai **kejayaan dalam kerjajaya**

- Naib-Canselor
- Timbalan Rektor
- Dekan
- Professor
- Profesor Madya
- Dekan
- Pengarah Jabatan (eg Imigresen)
- Pengarah PTJ (eg WAZAN, Wakaf UniSZA)
- Ketua Unit/Bahagian, dll

Namun ini hanya
luarbiasa luar,
bukan teras.
Terasnya adalah
luarbiasa dalam
diri kita masing-
masing.



Para **pensyarah**
dan **pentadbir**
perlu jadi manusia
luarbiasa sebelum
lahirkan manusia
pelajar luarbiasa.

Manusia BIASA, biasanya

- Kalau dicaci, sakit hati
- Kalau dipuji, berbunga hati
- Kalau disombong, menyombong
- Kalau ada orang lebih, didengki
- Kalau orang bersalah, didendam dan dimusuhi Kalau kaya, hidup istimewa, sombong, memandang orang hina
- Kalau ditimpa bala bencana, jiwa derita, tidak sabar.

Manusia LUARBIASA, biasanya

- ❑ Orang caci, didoakan mereka mendapat hidayah
- ❑ Bila dipuji, derita jiwanya (kerana pujian hanya kepunyaan Tuhan)
- ❑ Jika orang sombong, tidak dilayan kesombongan tersebut malah melupakannya
- ❑ Jika orang lebih, dia gembira
- ❑ Jika orang buat jahat padanya, dia buat baik kepadanya
- ❑ Jika orang mendapat bala bencana, dia doakan agar bersabar dan menziarahinya
- ❑ Jika orang bersalah, dimaafkannya

Haqiqat orang yang luarbiasa

- Wira agama, bangsa dan negara;
- Manusia ajaib di dunia;

Natijah:

- Tetamu merasa sejuk dan berlainan;
- Allah bantu bila perlu;
- Dunia belum dikiamatkan kerana wujudnya mereka
- Masih ada kebaikan di dunia
- Rahmat Allah diturunkan

Contoh orang luarbiasa: Rasulullah SAW

- Pemaaf – diludah Quraish Mekah, divedera di Taif, peristiwa Futuh Mekah;
- Berbuat baik kepada orang yang berbuat jahat – jiran perempuan tua, pengemis buta);



Teras kepada manusia luarbiasa ini ialah iman dan taqwa

Bila ISDEV dipenuhi dengan manusia luarbiasa (Hawariyyun), maka Allah akan turun keluarbiasaan pencapaian: dalam pengajaran-pembelajaran, dalam penyelidikan, dalam penerbitan, dalam semua hal, InshaAllah.

INILAH CITA-CITA ISDEV

MARI KITA MARA MENUJU CITA-CITA



MARA MENUJU CITA-CITA

<https://www.youtube.com/watch?v=rkvkvZH9oRI&list=RDMMrkvkvZH9oRI&index=1>



Terima kasih